



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

STEVEN SIM KETUAI DELEGASI KESUMA PERKUKUH KOMITMEN MALAYSIA DI PERSIDANGAN BURUH ANTARABANGSA 2025, GENEVA

PUTRAJAYA, 4 JUN 2025 – Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong hari ini mengetuai delegasi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) ke Geneva, Switzerland bagi menghadiri Persidangan Buruh Antarabangsa (International Labour Conference – ILC), anjuran Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Penyertaan Malaysia dalam persidangan tahunan ini mencerminkan komitmen berterusan negara untuk memastikan dasar dan perundangan buruh sentiasa seiring dengan piawaian antarabangsa. Langkah ini penting dalam memperkukuh perlindungan pekerja, meningkatkan kesejahteraan tenaga kerja serta merangsang kerjasama strategik dalam bidang pembangunan modal insan.

Di Geneva, YB Menteri dijadual untuk menyampaikan pidato umum di Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) selain bertemu rakan sejawat dari negara-negara ASEAN serta mengadakan pertemuan dua hala dengan wakil dari China, India, Nepal dan Qatar untuk memperkukuh kerjasama dalam isu-isu mobiliti pekerja dan pengurusan buruh rentas sempadan.

Sepanjang misi rasmi ini, delegasi Malaysia turut mengadakan libat urus strategik bersama pelbagai pihak antarabangsa. Antara tumpuan utama ialah penglibatan aktif Malaysia bersama World Economic Forum (WEF), termasuk pelancaran strategi nasional TalentCorp dalam menangani isu-isu bakat serta penyertaan dalam inisiatif *Gender Parity Accelerator* yang bertujuan meningkatkan penglibatan wanita dalam tenaga kerja negara.

Melalui penyertaan aktif dan hubungan erat dengan pelbagai rakan antarabangsa, KESUMA yakin lawatan rasmi ini akan memberi impak positif dalam usaha mengangkat martabat pekerja, memperkukuh daya saing negara serta mempersiapkan tenaga kerja Malaysia untuk menghadapi cabaran ekonomi masa hadapan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
4 Jun 2025**

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	